

Headline	Rasai pengalaman di universiti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sentral	Page No	N5
ArticleSize	178 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,009		



Rasai pengalaman di universiti

Kajang: Peluang merasai suasana pembelajaran di kampus Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menjadi pengalaman berharga buat 50 pelajar sekolah menengah dari Sabah dan Sarawak yang menyertai Program Mutiara Timur 2013, baru-baru ini.

Program anjuran Yayasan Tenaga Nasional disertai pelajar cemerlang Tingkatan Empat itu turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk program motivasi dan latihan komunikasi berkumpulan sepanjang lima hari program berlangsung.

Berucap merasmikan majlis penutup program itu, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Leo Moggie, berkata penganjuran program itu sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB berteraskan pendidikan.

Menerusi program itu, katanya,

peserta mendapat pendedahan yang mampu mencetus aspirasi untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Meningkatkan akademik

“Peserta terpilih kebanyakannya datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan peluang menyertai program ini diharapkan dapat membantu mereka meningkatkan tahap pencapaian akademik khususnya pelajar dari kawasan luar bandar,” katanya.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Abd Ghafar Mahmud dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd.

Pada majlis itu, dua peserta, Mohd Azani Adenan dan Penny Thomas, masing-masing dari Sabah dan Sarawak dipilih sebagai penerima Anugerah Peserta Terbaik program berkenaan.



Peserta Program Mutiara Timur 2013 pada majlis penutup program di kampus UNITEN, baru-baru ini.